



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 38/2017 dari 17 September hingga 23 September 2017)

Penurunan kes Denggi telah dicatatkan pada Minggu Epid 38/2017 iaitu dari 17 September hingga 23 September 2017. Sebanyak 1,050 kes telah dilaporkan, pengurangan 248 kes (19.1%) daripada jumlah kes yang direkodkan pada Minggu Epid 37/2017 iaitu 1,298 kes. Sehingga Minggu Epid 38/2017, jumlah kumulatif kes Denggi yang dilaporkan adalah 69,254 kes berbanding 81,523 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 12,269 kes (15%).

Hanya dua (2) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Melaka 8 kes (44.4%) dan Sabah 5 kes (9.1%). Terdapat tiga (3) kes kematian dilaporkan yang menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 23 September 2017 adalah sebanyak 156 kematian, berbanding 182 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 26 kematian (14.3%).

Lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif terus menunjukkan penurunan pada Minggu Epid 38/2017 iaitu sebanyak 395 lokaliti wabak berbanding 478 lokaliti pada minggu sebelumnya. Begitu juga dengan lokaliti hotspot iaitu sebanyak 44 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan lima (5) buah negeri iaitu di Selangor (34 lokaliti), Johor (6 lokaliti), Negeri Sembilan (2 lokaliti), Sabah (2 lokaliti) dan WPKL & Putrajaya (1 lokaliti), berbanding dengan 56 lokaliti hotspot pada Minggu Epid 37/2017.

Tiada kes Chikungunya yang didaftarkan pada Minggu Epid 38/2017. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 16 September 2017 kekal 259 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, sembilan (9) kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Perak dan satu (1) kes dari Sarawak.

Bagi pemantauan penyakit Zika di Malaysia, tiada kes dilaporkan di negara ini bagi tahun 2017 dari Januari sehingga 23 September 2017. Pemantauan sistem surveilan virus Zika sehingga Minggu Epid 38/2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 1477 sampel darah dan 31 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya didapati negatif.

Pada 15 dan 16 Ogos 2017, pihak KKM telah melancarkan operasi penguatkuasaan khas iaitu 'OPS GEMPUR AEDES SIRI VIII' yang mensasarkan premis barang lusuh serta tapak semaian. Pemeriksaan terhadap 528 premis barang lusuh yang diperiksa, 110 premis (20.8%) didapati terdapat pembiakan *Aedes*. Manakala 48 premis tapak semaian (27.8%) daripada 273 premis yang diperiksa turut ditemui pembiakan *Aedes*.

Menerusi Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, tiga (3) premis barang lusuh akan didakwa di mahkamah, 62 notis arahan kerja-kerja pembersihan dikeluarkan dan kompoun dengan nilai RM86,000 akan dikenakan selepas mendapat izin Timbalan Pendakwa Raya. Operasi sedemikian akan dilaksanakan secara berkala dan berterusan sebagai langkah membendung penularan kes denggi. **Tiada Aedes, Tiada Denggi dan Chikungunya.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
27 SEPTEMBER 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 38/2017
(17 September hingga 23 September 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 38/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 38/2016	
		Minggu 37 (17 Sept – 23 Sept 2017)		Minggu 37 (10 Sept – 16 Sept 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Kes	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	10	0	160	0	134	1
2	Kedah	17	0	39	0	1,222	4	745	2
3	P. Pinang	39	0	44	0	1,877	13	2,158	12
4	Perak	36	0	57	1	4,793	10	2,863	9
5	Selangor	527	2	656	2	37,807	59	42,430	64
6	WP KL & Putrajaya	87	0	117	0	7,048	19	6,822	16
7	N. Sembilan	39	0	42	0	2,714	11	2,140	19
8	Melaka	26	0	18	0	1,123	1	1,826	6
9	Johor	138	1	162	0	6,219	23	9,217	16
10	Pahang	27	0	35	1	1,351	3	2,053	7
11	Terengganu	4	0	5	0	239	1	1,788	15
12	Kelantan	31	0	33	0	2,237	2	4,422	8
13	Sarawak	13	0	15	0	764	4	2,110	6
14	Sabah	60	0	55	0	1,635	6	2,806	1
15	WP Labuan	2	0	10	0	65	0	9	0
	MALAYSIA	1,050	3	1,298	4	69,254	156	81,523	182

* Sumber : BilikGerakanDenggiKebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 38/2017
(17 September hingga 23 September 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	107	130
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	40	124
3	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	23	87
4	SELANGOR	Gombak	Tmn Berjaya	42	81
5	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	21	75
6	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	21	74
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	16	73
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen U10 (Pangsapuri Resak : Blok 1 - 2)	16	69
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	37	61
10	SELANGOR	Kuala Langat	Lorong 19-23,Kg Baru Sg.Jarom	9	58
11	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	15	57
12	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 3 (Jln Puj 3/1 - 3/13)	11	53
13	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Perdana	10	51
14	N SEMBILAN	Seremban	Garden Homes (Fasa E)	11	47

15	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak	11	47
16	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Uitm : Kolej Cendana Blok 1, 2)	18	46
17	SELANGOR	Klang	Bandar Putera(Jln Kebun Nenas 2k/Ks 7)	18	46
18	SABAH	Tuaran	Taman Sri Rugading	29	45
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psmn Perdana (One South)	16	45
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai)	11	43
21	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	18	43
22	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	15	43
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan SI 9 Bandar Sungai Long	8	42
24	SELANGOR	Kuala Langat	Lorong 1-8, Kg. Baru Sg. Jarom	8	42
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Kaw Perindustrian A : Jln 16/1 - 16/8 & Persiaran Kemajuan)	9	41
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/5)	12	41
27	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 2, Perjiranan 9	12	41
28	SELANGOR	Gombak	Tmn Ukay Perdana Fasa 3	7	39
29	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Indah	5	39
30	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Sentral	5	38
31	N SEMBILAN	Seremban	Taman Sakura	8	38
32	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_ Jln Pelanduk	9	38

33	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Camar	17	38
34	WPKL	Cheras	Kuaters Hospital Rehabilitasi	30	37
35	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suarasa 4 Bandar Tun Hussein Onn	6	37
36	JOHOR	Johor Bharu	Appartment Bukit Saujana	9	36
37	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Sungai Chua	6	34
38	SELANGOR	Klang	Jln Yadi (Lot 1085)	12	34
39	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	8	34
40	SELANGOR	Petaling	Seksyen 26 (Kawasan Perindustrian D : Persiaran Sabak Bernam)	7	34
41	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Setia	15	34
42	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	6	33
43	SELANGOR	Petaling	Usj 1/1	4	32
44	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Permai	13	32